



**SEMINAR 100 TAHUN  
PERSURATAN MELAYU  
BORNEO - KALIMANTAN**

*Borneo - Kalimantan:  
Seabad Persuratan Melayu Serantau*

**MEMBICARAKAN PERKEMBANGAN DRAMA/TEATRE  
DI SABAH SEPINTAS LALU**

Oleh  
**Hajah Sairah Hj. Antin**  
Yang Dipertua BAHASA

*Anjuran: DBP Cawangan Sabah*

# MEMBICARAKAN PERKEMBANGAN DRAMA/TEATER DI SABAH SEPINTAS LALU.

Oleh  
Hajah Sairah Hj Antin  
Yang Dipertua  
BAHASA.

## PRAKATA

Kerja-kerja drama atau teater ialah suatu kerja yang *ensemble* dari sebuah naskah lakon, pengarah, pelakon, urusan teknik - tatarias, kostium, pelampuan, musik, nyanyian dan banyak hal-hal magis yang lain yang menjadi satu olahan secara kreatif dan kolektif di tangan seorang pengarah itu sendiri sebagai nakhodanya. Bentuk apa yang ingin dipersembahkan kepada penonton dan mesej apa yang ingin disampaikan kepada penonton sebagai bahan fikir dan dicerna olehnya setelah ia pulang, semuanya perlu jelas.

## PERKEMBANGAN DRAMA/TEATER DAN SEJARAHNYA

Sejarah perkembangan drama atau teater di Sabah cukup panjang rentetannya kalau diteliti secara mendalam dari satu angkatan ke satu angkatan dengan pelbagai genre atau trend atau aliran yang diikuti sama ada jelas ataupun kabur.

Pada tahun 1930 - 40an (sebelum Perang Dunia Kedua) pengaruh Bangsawan masih lagi terbawa-bawa ke dalam cerita-cerita yang dipentaskan. Kebiasaannya bangsawan dipentaskan di estet-estet perkebunan getah oleh para penoreh getah khususnya orang-orang bangsa Jawa sama ada pendatang dari Indonesia atau pun dari Semenanjung.

Pada akhir tahun 1949 - 60an sudah ada pemisahannya apabila bermula era sandiwara yang pada saat itu lebih gemar dengan mengadakan sandiwara keliling dengan tujuan yang



murni - media teater selain sebagai pengutaraan hiburan juga sebagai beramal untuk memungut derma tabung sama ada untuk kegiatan Pengakap ataupun pembinaan masjid atau sekolah agama. Cerita-cerita purbawara juga cukup digemari pada zaman itu. Di segi pengarahen belum begitu serius penanganannya, kejayaan sebuah cerita bergantung kepada kekuatan bakat semulajadi para pelakon tersebut dan pengarah pada waktu itu dianggap sebagai **Pengatur Laku** sahaja. Naskah lakon sandiwara 99% yang ditulis oleh Allahyarham Cikgu Maaruf Abdullah dikira naskah lakon atau skrip yang terawal dicipta (menurut pengakuan Tuan Hj. Suhaibun Yussuf) ditulis pada tahun 1946. Sandiwara keliling ini dipentaskan di Kinarut dan Papar. **Tinggallah Kekasih**, naskah lakon yang ditulis oleh Datuk Hj. Mursidi Nambi pada tahun 1950, sekaligus beliau sebagai pelakon dan pengatur laku. Beliau berlakon bersama Alh. Hj. Harun Salleh, Hj. Mashul Sinyor dan beberapa pelakon lain, dipentaskan di panggung wayang pekan Kota Belud untuk mengutip derma tabung Persatuan Pengakap. **Kerana Ayah** naskah lakon sandiwara yang ditulis oleh Alh. Ajamain Hj. Gaffar pada tahun 1953, beliau sekaligus sebagai pengatur laku, dilakonkan oleh para murid dari G.P.S Kg. Pimping, Membakut.

**Satu Perjuangan**, sebuah naskah lakon ditulis oleh Hj. Suhaibun Yusof pada tahun 1956 dan beliau sendiri sebagai pengatur laku, dimainkan oleh murid-murid darjah 5 G.P.S. Weston, pementasan sandiwara tersebut memakan masa 45 minit .

Pada tahun 1958 - 1962, Hajjah Noraini Hj. Salleh telah menubuhkan sebuah kumpulan sandiwara keliling terdiri dari ahli-ahli keluarga terdekat. Sebagai pembuka panggung, band akan bermain untuk memanggil penonton dan diselang-selikan dengan nyanyian, tarian dan lawak jenaka. Cerita-cerita yang sering dilakonkan yang berbentuk purbawara

dan bertemakan percintaan. Alh. Ajamain Gaffar telah mengarah sebuah sandiwara berjudul **Pahlawan** karya Alh. Hj. Abbas telah mengadakan pementasan keliling pada tahun 1958. Pementasan keliling ini diadakan di Papar, Kimanis Estate, Bongawan, Membakut, Tenom, Kinarut dan Tuaran. Tujuan pementasan tersebut untuk mengutip derma pembinaan Sekolah Ugama Madrasah Al-Duniah, Buang Sayang, Papar. Pada tahun 1958, Alh. Hj. Harun Salleh telah menulis naskah lakon bertajuk **Pengorbanan** dan beliau sekaligus sebagai pengatur laku, antara para pelakornya terdiri dari Datuk Hj. Mursidi Nambi, Alh. Salleh Latun, Askar Abdullah dan beliau sendiri sebagai pelakon utama. Mereka bermain di sebuah pentas depan padang Kota Belud.

1960 -1962, Hajah Sairah Hj. Antin buat pertama kalinya ikut berlakon beberapa drama pendek yang berbentuk sandiwara dibawah bimbingan cikgu Hamsasiah Hj. Ariffin (isteri Hj. Mashul Sinyor), dipentaskan di pasar ikan di tengah pekan Kota Belud (pada malam hari) diadakan sempena temasya Hari Kebesaran Menyambut Tahun Baru ataupun sempena Hari Pertabalan Ratu Elizabeth II.

Pada tahun 60an, Datuk Jamdin Buyong sebagai pelakon utama dalam sandiwara **Ratapan Ibu**, naskah lakon ditulis dan arah oleh alh. Mohd. Tahir Abd. Hamid (Kisnawati) dimainkan oleh kumpulan Persatuan Islam Putatan. Pementasan keliling diadakan di Putatan, Jesselton (Kota Kinabalu), Menggatal, Kinarut dan Papar, dengan menjual tiket untuk mengutip derma pembinaan masjid Putatan. **Bajau '64**, buat pertama kali sebuah drama yang dailognya dalam bahasa Bajau sepenuhnya, naskah lakon tersebut ditulis dan diarah oleh Datuk Jamdin Buyong. Pementasan keliling telah diadakan di Putatan, Kinarut dan Papar dengan tujuan untuk mengutip derma tabung



membesarkan masjid Putatan.

Alh. K. Bali pada tahun 1963 - 64 buat pertama kalinya mengadakan tablo di pentas Teratai - pentas depan rumah beliau yang bergabung dengan induk rumahnya. Tablo tersebut berjudul **Pengembara Berpisah**, pementasan selama 15 minit (1 babak) dimainkan oleh ahli-ahli AGABA. Beliau sebagai pelopor tablo di Sabah. Tablo menjadi ikut-ikutan di kalangan pelajar yang minat dalam drama untuk mementaskannya dalam pelbagai judul. Hajah Sairah Hj. Antin juga pernah membuat tablo di Dewan Maktab Sabah pada tahun 1965 - 1969. Pada tahun 1962, Alh. K. Bali telah mengarah dan berlakon dalam drama 3 babak berjudul **Angkatan Bujang Lapuk** dimainkan oleh ahli-ahli AGABA di pentaskan di Tanjung Aru, Inanam, Menggatal dan Papar. Sebelum itu Alh. K. Bali adalah pengasas AGABA pada tahun 1957 dan pada tahun yang sama AGABA telah mementaskan sandiwara **Hidup Dirundung Malang** mengandungi 10 babak, penulis dan pengarahnya sdr. Jaafar Hussin.

Pada tahun 1965 - 1973 Maktab Sabah (Sabah College) di Kota Kinabalu cukup berjasa memupuk bakat Hajah Sairah Hj. Antin sebagai pelakon, penari dan penulis kerana setiap dua minggu sekali diadakan pementasan drama pentas sewaktu *School Assembly* samada drama Inggeris ataupun Melayu. Antara drama yang pernah dilakonkan oleh beliau ialah *Mid- Summer Night's Dream*, *Si Bongkok Tanjung Puteri*, *Memburu Bulan Sabit* dan sebagainya. Pernah tahun 1965, sempena Hari Kemerdekaan Sabah, Hajah Sairah Hj. Antin bersama Datuk Mursidi Nambi dan Alh. Ajit Yusof berlakon di dewan masyarakat, Kota Kinabalu dalam drama **Anak Derhaka**. Ketika itu tidak ada skrip cuma catitan-catitan mengenai tema cerita, pokok pembicaraan dan ingatan urutan pengadeganannya.

Kekuatan pada waktu itu hanya pada akting dan konsentrasi berkomunikasi serta tahu pokok pembicaraan saja. Dari Maktab Sabah maka lahirlah pelakon-pelakon yang berbakat pada waktu itu seperti A.B.M Fajeer, Mustapha Kula, Fatimah Majid, Hajah Sairah Hj. Antin, Hajah Zaiton Ajamain, Tiyyunin Jeman, Ishak Lajim, Darus Nasir, Osman Ahmad dan banyak lagi.

Pada tahun akhir 60an dan awal 70an, pengaruh drama **realisme** sudah kelihatan di mana skrip drama seperti **Atap Genting Atap Rumbia, Potret Dalam Kota Biru, Warga Atheis** dan sebagainya telah dipentaskan. Tahun-tahun ini sudah ada kerja-kerja pengarah walaupun dengan serba kekurangan.

Pada awal tahun 70an Datuk Jamdin Buyong dengan Badan Bahasa Sabah (BAHASA) cukup memberangsangkan kegiatan drama apabila penonjolan beliau sebagai pengarah dalam dramanya **Paduka Mat Salleh**, dipentaskan di dewan masyarakat Kota Kinabalu pada tahun 1973 dan telah dibuat pengembaraannya melalui RTM 1. Tetapi pementasan drama tersebut masih lagi dalam bentuk purbawara yang tidak banyak menekankan teknik pelampuan dan perwarnaian sekadar set yang realistik dibantu oleh bakat semulajadi para pelakon serta kostium apa adanya dan sedikit pengarah maka ia masih belum tergolong dalam kerja '**konsep teater moden**'.

Pertandingan drama anjuran Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri Sabah (KKBS) cukup besar jasanya dalam memperbanyakkan kemunculan kumpulan teater sejak tahun 1973. Pada tahun 1973 - 1975 meskipun skrip drama ditulis dalam bentuk sinisme dan satire tetapi bentuk pementasan masih berbau **realisme** seperti yang dipersembahkan oleh Kumpulan Kesenian Pantai Barat Kota Belud **Seruan Damai**,



penulis dan pengarahnya Abd. Aziz Ahmad (1973), 1974 dipertandingkan drama **Permakaman Kadok Besar** (penulis dan pengarahnya Jamali Satari dari kumpulan yang sama. Kedua-dua drama tersebut telah menjadi johan peringkat negeri (sila lihat lampiran I).

1975, **Injap Sembilu** karya dan pengarahnya Jamaluddin Kadir dari Kumpulan Sri Triwana Labuan memperlihatkan sedikit kreativiti seorang pengarah seperti hanya menggunakan 1 set yang cukup menarik iaitu sebuah tangga, dengan penggunaan tangga tersebut, dia berbicara banyak hal dengan kekuatan pelakannya Jamaluddin sendiri. Dengan penggunaan obor, pelakon datang dari arah penonton. Konsep kerja Jamaluddin sudah jelas. Dia menggunakan idiom, sinisme dan satire dengan mempersatukan suasana pelakon dengan penonton. Pementasan beliau mengikuti trend **symbolisme**.

1975, **Seni Seni di Mana Kau**, karya dan arahan Marzuki Ali adalah naskah lakon berbentuk **absurb** dimainkan oleh Kumpulan Anak Seni dari Kota Kinabalu. Hajah Sairah Hj. Antin sebagai pelakon utamanya. Pementasan waktu itu tidak menggunakan sebarang set kerana mengadakan drama keliling pada akhir tahun 1975 hingga awal tahun 1976. Disamping drama tersebut, **Si Bujel Anak Durhaka** juga karya Hj. Marzuki Ali dimainkan dalam drama keliling tersebut. Pementasan telah diadakan di Bongawan, Membakut, Beaufort, Tenom, Kota Belud dan Kudat. Pada masa itu pementasan lebih berdasarkan kekuatan berakting semulajadi para pelakon itu melontarkan dialog dan membentuk perwatakan sendiri dan apa yang disampaikan atau mesej juga tidak jelas. Pada tahun-tahun tersebut Kumpulan Anak Seni cukup aktif dalam mengadakan pementasan drama dibawah arahan Hj. Marzuki Ali antaranya drama **Sidang Roh**,

Warga Atheis, Seroja, drama simponi Mat Salleh, Kerusi dan sebagainya. Hajah Sairah Hj. Antin sebagai primadonanya drama-drama arahan Hj. Marzuki Ali kecuali Kerusi.

Pada tahun 1977, setahun menimba ilmu teater di Jakarta, Hajah Sairah kembali ke Sabah (cuti semester) beliau mementaskan drama **Permainan Topeng** bersama Masbak Rumashid, Rosli dan Musram sebagai pelakornya dengan Kumpulan Sanggar Buana, mengadakan teater keliling di Semenajung tajaan Yayasan Sabah. Beliau membawa satu trend yang cukup kuat pengaruhnya dalam perkembangan teater di Sabah sampai kini, konsep kerjanya lebih bersifat **teater total - teater rakyat** hasil kerja dan penemuan-penemuan kerja kreatif dalam latihan beberapa **improvisasi** yang dikerjakan bersama. Unsur-unsur **happening**, beliau masukkan dan mungkin sesuatu yang baru bagi pekerja teater di Sabah apabila beliau menggunakan **humming**, **mentera**, **rentak**, **runsai** dan **kalang Bajau**. Penggunaan topeng serta pengucapan dialog secara **chorous** (bersama), bunyi-bunyian seperti botol kosong yang ditiup melalui nafas mulut, tin, kayu dan sebagainya cukup kreatif dan padu. Pemain keluar dari sebuah set kelambu putih. Menurut beliau, beliau menggali dan mengembangkan unsur-unsur atau elemen-elemen teater tradisional ke dalam persembahan teater **kotemprorer (mutahir)**. Pengaruh ini kelihatan jelas dalam karya Hj. Marzuki Ali iaitu **Jomo** dan **Aduh** yang dipentaskan oleh Musa Masran pada tahun 1978 dan juga karya-karya Masbak Rumashid dengan grup teaternya Teater Ibukota, Kota Kinabalu. Pada tahun 1978, Hajah Sairah bereksperimen dengan drama karya beliau berjudul **Mencari** dengan konsep kerja masih lagi **teater total** dan **happening** tetapi beliau sudah mulai bekerja dengan naskah lakon aliran **Absurdisme** dan **Ekspressionisme**. Pada



tahun 1980, beliau bersama empat orang aktivis teater dari Indonesia memperkenalkan **pantomim** dan **monolog** (sekarang dikenali sebagai **dekon** -istilah yang diperkenalkan oleh A. Samad Said) mengadakan teater keliling ke Kota Kinabalu, Kuala Lumpur, Singapura dan Jakarta ditaja sepenuhnya oleh Yayasan Sabah. Pengaruh **pantomim** dan **monolog** yang beliau kenalkan di Sabah cukup menarik para aktivis untuk mengikutinya dalam persembahan mereka.

Kemudian Prof. Dr. Ghouse Nasaruddin dari USM sering mengadakan bengkel teater di Sabah dan pengaruh beliau juga cukup kuat di Sabah dan menjadi ikut-ikutan para aktivis drama di Sabah. Selepas pertandingan drama anjuran KKBS (N) pengaruh Prof. Dr. Ghouse memasukkan unsur tari cukup jelas dalam pementasan-pementasan drama Hassan Saprin (pengakuan Hassan Saprin kepada Hajjah Sairah).

Pada tahun 1984 - 1990, puisi didramatisasikan, ditarikan dan diucapkan menjadi trend yang disukai oleh para aktivis drama pada tahun-tahun tersebut. Pelopornya ialah Hajjah Sairah dan Hj. Ismaily Bongsu. Meskipun drama-drama realisme, absurdisme, Simbolisme masih disenangi dan keseriusan dalam pengarahannya cukup membanggakan.

Pada tahun 1985, Hajjah Sairah mengangkat drama **Di Mana Bulan Selalu Retak** karya Pak Samad Said, Sasterawan Negara, beliau membawa dan mengajak aktivis-aktivis drama bekerja secara professional dan serius dalam kerja-kerja teater dengan mengabungkan tenaga dramatis yang berpengalaman. Pada tahun 1987 - drama **Bunga Andalusia**, karya Abd. Rahman Babeir (penulis dari Mesir) adalah arahan beliau terakhir sebelum menyepikan diri untuk beberapa ketika adalah drama yang menjadi igauan kepada para pemain dan tenaga kerja kerana bekerja secara professional.

Kemudian Osman Nasroh dan Hj. Ismaily Bongsu juga turut mengarap sedutan drama **Di Mana Bulan Selalu Retak, Anak Kerbau Mati Anak dan Wira Bukit** pada tahun 1988 meskipun pementasan terlalu mentah dan belum boleh dipertanggungjawabkan (latihan antara tiga hari atau dua minggu) namun kehadiran drama-drama tersebut cukup memeriahkan persada teater di Sabah.

Pada tahun 90an, ketika kelesuan kegiatan teater melanda kerana orang-orang besar teater menyepikan diri kerana membina kehidupan masing-masing dan kerana arus pergolakan politik tanahair turut melesukan mereka, walaubagimanapun tiga nama yang boleh dibanggakan paling tidak dapat menghadirkan diri dalam **Pekan Teater** anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia seperti Hassan Saprin dengan drama **Gong** dengan kumpulan Rusta dari Tawau pada tahun 1990 memenangi pelbagai hadiah di peringkat negeri dan kebangsaan. Sementara pada tahun 1993, Hamzah Lahap dengan Grup Teater Kolektifnya membawa drama **Tukang** yang menggabungkan trend **absurdisme** dan **Surrealisme** telah membawa pulang pelbagai gelar dan hadiah pada peringkat kebangsaan serta mendapat pujian yang cukup baik dari media massa (sila lihat lampiran II). Demikian juga Kassim Mamun dengan Kumpulan Kakisnya membawa drama **Jerebu** menjadi johan peringkat kebangsaan dalam pertandingan drama anjuran Sathya Sai Baba.

Ag. Karim Kadir dengan drama karya beliau **Aqjung Bahatla** pada tahun 1999 telah menjadi johan peringkat kebangsaan dalam pertandingan drama yang dianjurkan oleh Universiti Malaya.

Menjelang abad ke 2000, Ag. Karim Kadir dengan keberaniannya mengadakan



pementasan **Anjung Bahatla** dan **Paduka Mat Salleh** bersama kumpulannya Gerbang Seni Kinabalu di dewan besar, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah. **Selasihku Sayang**, karya Ag. Thomas Hj. Atahai dengan kumpulan Pasaknya mengadakan pementasan di dewan yang sama pada tahun 2000. Kejutan dan cukup membanggakan apabila Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah, En. Zainie Ozea telah menyuntik semangat berteater kepada para aktivis drama dengan pementasannya **Bumiku Oh Bumiku**, karya beliau sendiri telah diadakan di dewan yang sama pada tahun 2001.

Cabaran bagi para aktivis teater samada yang veteran ataupun yang baru adalah bagaimana menghidupkan suasana berteater di Sabah menjelang abad ke 2000 dan mendatang untuk mengangkat martabat dunia pteateran kita yang cukup disegani dan digeruni pada tahun kemuncak jaya pada tahun-tahun 70an dan 80an.

### **SKRIP DRAMA SEBAGAI KHAZANAH GENERASI AKAN DATANG**

Skrip drama cukup banyak dihasilkan oleh para penulis drama samada yang mengikuti pertandingan drama atau dalam simpanan koleksi peribadi penulis yang meminati atau menekuni genre drama tetapi tidak banyak yang diberi peluang untuk dibukukan.

Antologi drama pentas **Ajong** diterbitkan oleh DBP cawangan Sabah hanya memuatkan karya empat penulis sahaja, diterbitkan pada tahun 1984 (**Ajong** - Osman Nasroh, **Pakau**- Marzuki Ali, **Pemakaman Kadok Besar**- Jamali Satari dan **Injab Sembilu**- Jamaluddin Kadir), sementara Hamzah Dua berkesempatan menyelenggarakan sebuah antologi drama radio berjudul **Pahlawan Lembah Tempasuk**, terbitan DBPCS pada tahun 1999 dan **Kemarau Semusim**, antologi drama pentas dan radio, diselenggarakan oleh Amida Abdul Hamid, diterbitkan oleh DBP pada tahun 1999, memuatkankan karya-

karya Jariah Taha, Abd. Manaf Kamaruddin, Hajah Sairah Hj. Antin dan Ag. Karim Kadir, hasil projek Perkampungan Penulis GAPENA dengan kerjasama badan-badan gabungan pada tahun 1994 - 95.

Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah telah dua kali menganjurkan pertandingan menulis skrip drama pentas pada tahun 1995 dan 2000. Di mana karya Hajah Sairah Hj. Antin, **Detik-Detik Perjuangan** telah memenangi tempat pertama pada tahun 1995 sementara **Epik Sebuah Tugu** karya Maskuji Maturon memenangi tempat pertama pada tahun 2000. Demikian juga karya-karya lain yang pernah menang pada peringkat kebangsaan yang dianjurkan oleh TEMA, seperti **Tetamu**, karya Maskuji Maturon, **Noktah**, karya Sikau Adau atau karya Hajah Sairah Hj. Antin **Kembalikan Aku Ke Laut** memenangi hadiah ketiga dalam sayembara menulis skrip drama berunsur Islam. Karya-karya tersebut perlulah dibukukan sebagai bahan khazanah untuk tatapan dan bahan rujukan generasi akan datang.

Sekian, selamat maju jaya dalam dunia yang kita tekuni, dunia perteateran dengan niat apapun yang kita lakukan semata-mata kerana Allah. Dari Dia kita datang kepada Dia kita kembali. Ilham yang baik datang darinya dari jiwa yang bersih dan telus ikhlas serta redha dengan apa yang dianugerahkan oleh-Nya.

---

Villa Ode, Papar.  
28.06.2002.



**PEMENANG PERTANDINGAN DRAMA ANJURAN  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN NEGERI  
PERINGKAT NEGERI SABAH DARI TAHUN 1973 - 1992**

---

<u>Thn.</u>	<u>Tajuk Drama Kebangsaan</u>	<u>Penulis Skrip</u>	<u>Pengarah</u>	<u>Kumpulan/Daerah</u>	<u>Negeri</u>	<u>Kebangsaan</u>
1973	Seruan Damai	Abd. Aziz Mohd.	Abd. Aziz Mohd	Kesenian Pantai Barat Kota Belud	Johan	Gagal
1974	Permakaman Kadok Besar	Jamali Satari	Jamali Satari	Kesenian Pantai Barat Kota Belud	Johan	1. Naib Johan 2. Pelakon lelaki Terbaik
1975	Injab Sembilu	Jamaluddin Kadir	Jamaluddin Kadir	Sri Triwana Labuan	Johan	1. Pelakon lelaki terbaik 2. Set terbaik
1976	Pakau	Marzuki Ali	Marzuki Ali	Anak Seni, Kota Kinabalu	Johan	Gagal
1977	Kursi	Marzuki Ali	Marzuki Ali	Teater Asyik	Johan	Penghargaan
1978	Hari Jadi Nona	?	Omar Selamat	Kesenian Pantai Barat Kota Belud	Johan	1. Johan 2. Pengarah Terbaik. 3. Pelakon wanita terbaik
1979	Ajong	Osman Nasroh	Osman Nasroh	Bunga Budaya Sandakan	Johan	Tidak bertanding
1980	- Tiada pertandingan-					
1981	Tangga	Jamil Arif	Jamil Arif	Suara ke - 3, Kudat	Johan	Tidan bertanding
1982	Kota O Kota	Shamsuddin Jaffar	Rasyid Deman	Anak Wayang, Kota Kinabalu	Johan	Dibatalkan
1983	Sawo	S.M. Noor	Ghazali Ismail	Teater Kencana Tuaran	Johan	Tiada pertandingan
1984	Kerusi	Hatta Azad	Guradita Singh	Suara ke -3, Kudat	Johan	Tiada pertandingan
1985	Perkahwinan '85	?	?	Mana Manja, Tenom	Johan	
1986	- Tiada pertandingan -					
1987	Tukang	Baharuddin MZ	Guradita Singh	Suara ke - 3, Kudat	Johan	

1988	Akinabalu	Juhaili Sidek	Juhaili Sidek	Akinabalu, Ranau	Johan
1989		- Tiada pertandingan -			
1990	Gong	Hassan Saprin	Hassan Saprin	Rusta, Tawau	Johan
1991	Si Pengajuk	Mochiokoto	Saidi Sanip	Grup Teater Kolektif Kota Kinabalu	Johan
1992	1897	Ramlee A.R	Abd. Jamit Johnawati	Grup Teater Kolektif Kota Kinabalu	Johan



**PEMENANG PEKAN TEATER PERINGKAT NEGERI DAN KEBANGSAAN  
ANJURAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN  
MALAYSIA D/KERJASAMA MAJLIS TEATER KEBANGSAAN (TEMA) DAN DEWAN  
BAHASA DAN PUSTAKA DARI TAHUN 1990- 2001**

<u>Thn.</u>	<u>Nama Kumpulan</u>	<u>Bahagian</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Negeri</u>	<u>Kebangsaan</u>
1990	Rusta	Tawau	Gong	Johan	1. Johan 2. Pengarah terbaik (Hassan Saprin) 3. Pelakon Lelaki terbaik 4. Pelakon Wanita terbaik
1991	Rusta	Tawau	Ajung Berlabuh	Johan	Gagal
1992	- tidak diketahui pemenangnya, kerana tiada catitan-				
1993	Grup Teater Kolektif	Kota Kinabalu	Tukang	Johan	1. Drama terbaik (Johan) 2. Pengarah terbaik 3. Hadiah Panel Juri (hadiah khas) 4. Teknik terbaik

Peringkat Zon tahun 1994

Rusta	Tawau	Injab Sembilu
Grup Teater Kolektif	Kota Kinabalu	Sabda Sang Pendeta
Arena	Kota Belud	Injab Sembilu

Peringkat Kebangsaan 1994 - Diwakili oleh Kumpulan Rumpun Seni Budaya Tawau - Rusta

Peringkat Zon tahun 1995

Arena	Kota Belud	Sawo
Pentas	Kudat	Tetamu
Trimatra	Labuan	Protes

Peringkat Kebangsaan 1995 - Diwakili oleh Kumpulan Penggerak Teater Anak Sabah - Pentas

Peringkat Zon tahun 1996

12 kumpulan teater turut bertanding daripada 6 zon

Peringkat Kebangsaan 1996 - diwakili oleh Kumpulan Pendeta/Kolektif, Tawau dengan tajuk Drama Kerusi.

Peringkat Zon tahun 1997

6 kumpulan teater turut bertanding daripada 6 zon

Peringkat Kebangsaan 1997 - diwakili oleh Penggerak Puisi, Teater dan Tari Sabah - Puteri, Kota Merudu dengan drama bertajuk Bantal Impian

Tahun 1998 - tiada catitan.

Peringkat Zon tahun 1999

9 kumpulan teater turut bertanding daripada 8 zon

Peringkat Kebangsaan 1999 - diwakili oleh Kelab Sukan dan Rekreasi Lahad Datu, drama berjudul Mayat dan telah memenangi beberapa hadiah di peringkat kebangsaan

Peringkat Zon tahun 2000

Puteri	Kota Merudu	Tetamu
Pentas	Kudat	Tetamu
Grup Teater Lab - UMS	Kota Kinabalu	Ajong

Peringkat Kebangsaan 2000 - diwakili oleh kumpulan Pentas dari Kudat.

Peringkat Zon tahun 2001

(Maktab Kent)Tuaran	Bumiku Oh Bumiku
Pentas	Kudat
Grup Teater	Kita Kinabalu
	Nur Atma



Lab - UMS

Peringkat Kebangsaan 2001 - diwakili oleh Grup Teater Lab - UMS, Kota Kinabalu dan mendapat tempat ke tiga pada peringkat kebangsaan serta hadiah pelakon wanita terbaik.

## Biodata

### HAJAH SAIRAH HJ. ANTIN

Lahir pada 25.8.52, di Kota Kinabalu, Sabah. Berpendidikan menengah di Maktab Sabah, Kota Kinabalu. Sarjana Muda (teater) dari Instituti Kesenian Jakarta, Indonesia (IKJ) pada tahun 1982. Pernah bertugas sebagai Pegawai Kebudayaan dan mengetuai Bahagian Kebudayaan, Yayasan Sabah (1983-89). Kini menjadi Ahli Koperasi dan penulis bebas. Siti Zulaikha dan Ali Zulfaqr adalah dua cahaya mata beliau, hasil dari perkongsian hidup bersama dengan Dr. Hj. Zainuddin Hj. Mohammed.

Beliau menulis secara serius sejak di bangku sekolah menengah lagi pada tahun 1970. Menulis dalam genre cerpen, puisi, skrip drama dewasa dan kanak-kanak (radio dan pentas), cerita buku bergambar kanak-kanak, essei dan berita.

Karya-karya beliau tersiar dalam *Dewan Sastera*, *Dewan Masyarakat*, *Al-Islam*, *Wanita*, *Mastika*, *Famili*, *Perempuan*, *Wadah*, *Bulletin PKPMI- Jakarta*, *Lampiran Karya Kreatif Warta GAPENA*, majalah sastra *Horizon* dan *Berdaulat* (Indonesia), dan juga surat khabar tempatan. Puisi-puisi beliau banyak termuat dalam beberapa antologi antaranya dalam *Mutiara Pertiwi*, *Puisi Baharu Melayu*, *Mustika Diri*, *Kafilah*, *Mujjadid*, *Nyanyi Dari Desa*, *Salam dari Teluk*, *Laut Asyik*, *Gema Membela Gema 13*, *Cahaya*, *Titian Kasih*, *Tasbih Hayat & Teluk Perkasihan*. Manakala cerpen-cerpen beliau termuat dalam *Tugu di Tengah Kota*, *Merening*, *Hikmah*, *Menanti Subuh*, *Musarakan & Calar Mimpi* dan skrip drama radio termuat dalam antologi bersama *Kemarau Semusim*. Sementara buku cerita bergambar kanak-kanak beliau berjudul *'Bola Maiman Hilang'* dan *'Main Puteri'* terbitan DBP dan Yayasan Sabah.

Pernah memenangi Hadiah Puisi Kebangsaan ESSO- GAPENA II (1995) berjudul *'Epilog Sang Pemimpin'*. Memenangi hadiah Sayembara Menulis Puisi Islam anjuran DBPCS-JHEINS (1995 & 1999) berjudul *'Pesona Rindu'* dan *'Pengalaman Mistik'*. Pada tahun 1996, cerpen beliau berjudul *'Misteri Alam Arham'* telah memenangi hadiah saguhati dalam Sayembara Menulis Cerpen berunsur Islam, anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. Drama pentas beliau berjudul *'Detik-Detik Perjuangan'* telah memenangi hadiah pertama Sayembara Menulis Skrip Drama Pentas pada tahun 1995, anjuran DBP Cawangan Sabah. *'Kembalikan Aku Ke Laut'* drama pentas beliau telah memenangi hadiah ketiga dalam Sayembara Hadiah Sastera berunsur Islam ke VIII anjuran Yayasan Pelajaran Islam dengan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1997 & 1998. Karya beliau *'Rumah Warisan, Khazanah Kenangan'* menerima Hadiah Sastera Sabah dalam bidang cerpen bagi tahun 1998 -1999. Lima puisi beliau memenangi hadiah kedua dalam Sayembara Menulis Puisi Melalui Internet, anjuran Yayasan Azam Wanita Malaysia (YAZNITA) pada tahun 2000.

Bakat beliau dalam bidang seni diwarisi dari darah seni nenek beliau alhm. Tinah Hj. Syukor (salah seorang primadona Bangsawan sebelum perang dunia II). Beliau menari dan berlakon drama pentas sebelum pandai membaca dan menulis lagi. Beliau pernah



berlakon dan menyutradarai beberapa pementasan teater dan pernah mengadakan teater keliling antaranya drama '*Seni-Seni Di Manakah Kau*' di Sabah bersama kumpulan Anak Seni (pimpinan Marzuki Ali), '*Permainan Topeng*' (berlakon dan menyutradarai) bersama kumpulan Sanggar Buana dipentaskan di SRK Kajang, Selangor dan di sudut penulis DBP KL pada tahun 1977. '*Monolog dan Tari Topeng*' (berlakon dan menari) di Yayasan Sabah Kuala Lumpur dan di sebuah hotel pada tahun 1979. Menyutradarai drama '*Hang Jebat Menderhaka*' bersama Teater Matindo (kumpulan dari Sabah) dipentaskan di Teater Luwes, IKJ, Jakarta pada tahun 1980. Mengadakan pementasan keliling '*Prita Isteri Kita*' dan '*Pengajaran*' (berlakon dan menyutradarai) di Sabah, Kuala Lumpur, Singapura dan Jakarta bersama grup beliau Scarlet 4 dari Indonesia pada tahun 1981. '*Bunga Andalusia*' drama pentas terakhir beliau yang disutradarinya pada tahun 1987 sebelum beliau menceburi dunia koporat secara serius pada tahun 1989.

Sejak dari bangku sekolah lagi beliau aktif dalam menganggotai dan pengasas pelbagai persatuan termasuklah persatuan sukarela (NGO) yang lain dan menyandang jawatan sebagai AJK, Pen. Bendahari, Setiausaha dan Ketua I. Juga pernah menjadi AJK, Jawatankuasa Ekonomi, Majlis Penasihat Wanita Sabah (MPWS), Unit Hal Ehwal Wanita Sabah, Jabatan Ketua Menteri. Sejak tahun 1996 hingga kini beliau sebagai Ketua I Badan Bahasa Sabah (**BAHASA**) dan Ahli Jawatankuasa Penuh GAPENA.

Pengalaman dan pengetahuan beliau luwes dalam bidang kebudayaan dan sastera. Oleh itu beliau sering diundang sebagai pembimbing bengkel teater, tari, penulisan dan deklamasi puisi, menjadi panel hakim sayembara dan pembentang kertas kerja pada peringkat negeri, kebangsaan dan nusantara.

Beliau pernah mengikuti rombongan GAPENA di luar Malaysia antaranya 'Perkampungan Penulis GAPENA-Malaysia dan Sumatera Barat, Indonesia' di Taman Budaya Propinsi Sumatera Barat pada tahun Nov. 1995, 'Persidangan dan Festival Kebudayaan Melayu' di Cape Town, anjuran Forum Kebudayaan Melayu Afrika Selatan pada Nov. 1996, 'Dialog Utara VIII' pada Nov. 1999 di Thailand Selatan dan 'Dailog Rempang - Perkampungan Penulis Rumpun Melayu' di Taman Khazanah Melayu, Pulau Rempang, Batam, Riau, Indonesia pada Sept. 2000.

Menerima anugerah Bintang Setia Kinabalu (BSK) daripada TYT Negeri Sabah (1995) atas sumbangan beliau dalam dunia penulisan, kebudayaan dan berpersatuan.